

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. MAKIN @  
MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) pendirian negara ke atas isu-isu yang sering dibangkitkan dan mendapat perhatian rakyat Malaysia di negeri Sabah berkenaan dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan perkara yang berhubung-kait dengan Batu Sumpah di Keningau Sabah; dan
- (b) hasil siasatan dan tindakan ke atas laporan RCI (suruhanjaya siasatan diraja mengenai dengan pendatang tanpa izin) di Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor-syor dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) berhubung dengan *future constitutional arrangements and the form of the necessary safeguards for North Borneo and Sarawak*, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (iaitu Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia (yang ditandatangani pada 9 Julai 1963) yang kemudiannya telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 [*Akta 26/1963*] dan undang-undang yang berkaitan.

Bagi mengukuhkan komitmen pihak-pihak dalam Perjanjian Malaysia, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa perkara-perkara yang memberikan lebih autonomi dan kedudukan yang istimewa kepada Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sabah atau Negeri Sarawak jika pindaan itu akan menyentuh perjalanan kuat kuasa Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan antara lain, hak rakyat Sabah dan Sarawak untuk menjadi warganegara, keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak, agama dan penggunaan apa-apa bahasa dalam Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak serta kuota ahli

Dewan Rakyat yang diperuntukkan untuk Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan isu Batu Sumpah di Keningau, Sabah, pembinaan Batu Sumpah tersebut berperanan sebagai suatu simbol bagi memperingati penubuhan Malaysia. Penubuhan Malaysia adalah berdasarkan persetujuan yang telah dicapai di antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah (pada ketika itu dikenali sebagai *North Borneo*), Sarawak dan Singapura melalui Perjanjian Malaysia seperti yang telah dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.